

'Sate Kajang Hj Samuri' antara penyumbang perubahan sosioekonomi Kajang

Bernamea

September 2, 2017 17:26 MYT



Antara sumbangan Allahyarham ialah pembangunan ekonomi masyarakat Melayu melalui wujudnya rangkaian perniagaan Sate Kajang Haji Samuri di mana banyak peluang dibuka kepada mereka untuk menceburi rangkaian perniagaan tersebut. - Gambar hiasan

Tidak keterlaluan jika dikatakan Sate Kajang Haji Samuri bukan sekadar sebahagian menu utama dalam kalangan masyarakat tetapi turut menyumbang ke arah perubahan landskap sosioekonomi di Kajang.

Mula beroperasi di gerai No.5 di Medan Sate Kajang pada tahun 1992, Sate Kajang Haji Samuri menjadi begitu sinonim dengan pekan Kajang selepas

Berita Berkaitan



Penyambungan semula perjalanan Singapura-Malaysia akan lonjak

pengasasnya Allahyarham Datuk Samuri Juraimi menjenamakan semula produk makanan itu selain memberi perspektif yang lebih segar dan diterima luas oleh masyarakat.



Seorang penggemar, Prof. Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata selain membentuk hubungan sosial yang positif, Sate Kajang Haji Samuri banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara, khususnya di Kajang.

"Antara sumbangannya ialah pembangunan ekonomi masyarakat Melayu melalui wujudnya rangkaian perniagaan Sate Kajang Haji Samuri di mana banyak peluang dibuka kepada mereka untuk menceburi rangkaian perniagaan tersebut.

"Selain itu penjenamaan semula makanan berkenaan berjaya menjadi lambang perpaduan masyarakat di Malaysia kerana bukan sahaja Melayu, tetapi juga India dan Cina menghargai serta menikmati sate sekali gus menjadikan ia antara hidangan utama negara," katanya kepada Bernama ketika dihubungi.

pelancongan ekonomi - MITI

Gaji minimum: Jangan lihat set kos, hubungan majikan dan pel perlu matang

Pensijilan MSPC 2022 ganti MSPC 2013, hapus pre minyak sawit ba

Sabah terus jad pilihan pelabur - Joachim

Gangguan beka berpotensi berla dari Rusia dan Ukraine beri imp rendah kepada,



Berita Terkini



Pertemuan men UMNO: 'Hanya bersarapan pag sementara tung PM'- Reezal Mer

MALAYSIA

Menyamar 'prof dalangi sindiket Scam dan edar dadah

MALAYSIA

Akaun pendepo Tabung Haji cul bayar nafkah dicadang dibeki Ketua Hakim Sy

MALAYSIA

Di mana mayat I Operasi mencar disambung jika petunjuk baharu Polis

POLITIK

Pertemuan Men UMNO: Mungkir bincang keperluan PRU15 lebih aw Nazri

Mohamed Fadzil yang juga Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berkata penjenamaan semula Sate Kajang secara tidak langsung menaikkan imej Kajang yang kekuatannya sebelum ini dibayangi imej dua daerah berjiran iaitu Bangi dan Serdang.

Jelasnya, Bangi dan Serdang masing-masing mempunyai jenama mereka sendiri yang menyebabkan kedua-dua bandar itu terkenal dalam kalangan masyarakat iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang.

"Nama pekan Kajang menjadi lebih dikenali selepas penjenamaan semula Sate Kajang Haji Samuri dan kini menjadi lebih terkenal setelah pelancaran Fasa 2 Laluan Sungai Buloh-Kajang Transit Aliran Massa (MRT), yang menempatkan hentian stesen MRT Stadium Kajang.

"Kita dapat lihat bagaimana penjenamaan semula sate Kajang memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi dan infrastruktur di Kajang," katanya yang mengenali Sate Kajang Haji Samuri ketika bergelar pelajar di UPM dan menikmati hidangan itu setiap bulan sebagai hadiah motivasi diri.

"Pada majlis graduasi, saya merupakan penerima Hadiah Pingat Emas Canselor UPM dan kakak ipar meraikan kejayaan saya di restoran Sate Kajang Hj Samuri. Jadi memang ada nostalgia dengan sate Haji Samuri ni," katanya.

Allahyarham Datuk Samuri Juraimi, 73, meninggal dunia di kediamannya di Sungai Ramal Dalam, Kajang dekat sini pada 12.05 tengah malam tadi akibat kanser hati tahap empat yang dikesan sejak awal tahun ini.

-- BERNAMA

[#ekonomi](#) [#Kajang](#) [#meninggal dunia](#) [#Samuri Juraimi](#) [#sate](#)
[#Sate Kajang Haji Samuri](#)

Juga Menarik Dari Laman Web




Kajang Hanya dengan \$250, anda boleh menjana pendapatan...

Sponsored | Financial Trends



Actress-host Ary Malik passes away at the age of 46



What Is Zero Trust Security? Understanding The...

Sponsored | Sophos

Dapatkan
berita terkini
melalui emel
anda



Emel Anda

DAFTAR